

Peralatan Asas yang Digunakan

Peralatan mencantum anak pokok buah-buahan hendaklah lengkap sebelum kerja mencantum dibuat.

1. Pisau mencantum
2. Sekateur
3. Pita cantuman
4. Label tanaman
5. Pensil
6. Mata tunas dari pokok induk terpilih
7. Pokok penanti



Persediaan

Anak pokok penanti yang sesuai dicantum (berumur 6 bulan), lebih kurang sebesar batang pensil. Seeloknya mempunyai saiz lilitan di antara 3cm-4cm. Pokok penanti ini hendaklah sihat dan berdaun subur. Pastikan pokok penanti tersebut dibaja sebulan lebih awal sebelum kerja-kerja mencantum dilakukan. Ini penting bagi meningkatkan peratus kejayaan cantuman.



Langkah-langkah Membuat

Cantuman Mata Tunas Durian

1

Kelar melintang 1/3 lilitan batang. Buat 2.5 sm. Kopek kulit daripada batang bermula dari kelaran lintang menghala ke bawah menggunakan pisau cantuman.



2

Pilih mata tunas dari pokok induk terpilih. Kelar memanjang kiri dan kanan untuk mendapat mata tunas.



3

Mata tunas terdapat di sebelah dalam kulit tunas. Pastikan tunas tidak cacat atau tertinggal pada kayu ranting.



4

Lekatkan mata tunas pada bahagian tertinggal pokok penanti.

- Potong bahagian kulit tertinggal sedikit ke bawah dari mata tunas.



5

Balut batang pokok penanti menggunakan pita cantuman menghala ke atas.



6

Pastikan pita cantuman tidak mengenai mata tunas. Matikan pita cantuman setelah membalut 3 sm hingga 4 sm.



7

Pita cantuman dibuka selepas 3-4 minggu. Kulit mata tunas menjadi warna hijau.

- Potong batang pokok penanti anggaran 15 sm dari paras cantuman selepas 7 hari, untuk mengurangkan pertumbuhan pucuk dan menggalakkan pertumbuhan tunas.



8

Umur 8-10 bulan selepas cantuman dan mempunyai 10-12 helai daun, pokok boleh ditanam ke ladang.

